

**SURAT PEKELILING DALAMAN
(008) PUSTAKA/100-1/1/2/JLD.1**

Kepada : Semua Staf Pustaka Negeri Sarawak
Perkara : PERATURAN BERKAITAN PEMBELIAN/PERKHIDMATAN
Tarikh : 27 September 2021

1.0 TUJUAN

1.1 Surat pekeliling ini bertujuan untuk memberi peringatan kepada pemohon (borang permintaan Pembelian/Perkhidmatan) untuk sentiasa melampirkan sekurang-kurangnya satu (1) sebut harga dari pembekal/kontraktor semasa memohon untuk pembelian barangan atau sesuatu perkhidmatan.

1.2 Manakala bagi perbelanjaan yang melebihi **RM5,000**, pemohon hendaklah menyertakan sekurang-kurangnya **tiga (3) sebut harga**.

1.3 **Pengecualian** diberikan kepada pembelian barangan, kerja atau sesuatu perkhidmatan yang memerlukan pengkhususan tertentu sahaja di mana **tidak terdapat pembekal lain** dengan memberi justifikasi yang munasabah.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Sejak kebelakangan ini, amalan ini tidak konsisten dan untuk proses pembelian/perkhidmatan yang telus dan adil, maka proses ini perlu ditambahbaik.

3.0 TANGGUNGJAWAB PEMOHON

3.1 Adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk sentiasa melampirkan sebutharga dari pembekal/kontraktor menurut keperluan-keperluan **Klausula 1.0** di atas, apabila memohon melalui Borang Permintaan Pembelian/Perkhidmatan.

4.0 TANGGUNGJAWAB KETUA BAHAGIAN/SEKTOR

4.1 Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Bahagian/Sektor untuk memastikan peraturan dipatuhi sebelum memberi perakuan, sokongan dan/atau kelulusan untuk pembelian barangan/perkhidmatan.

5.0 TANGGUNGJAWAB UNIT KEWANGAN

5.1 Bahagian Kewangan akan mengembalikan borang permintaan Pembelian/Perkhidmatan jika didapati, ianya tidak lengkap, tidak diisi dengan betul atau tidak mematuhi peraturan ini.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

6.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.



ARPAH HAJI ADENAN
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
Pustaka Negeri Sarawak